

KENYATAAN MEDIA

30 MAC 2018

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein
Preclinct 2
62100, Putrajaya
Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

ST Arah Empat Syarikat Pengimport Musnah Kelengkapan Elektrik Yang Tidak Selamat

Putrajaya, 30 Mac – Tiga (3) syarikat pengimport telah diarahkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk melupuskan kelengkapan elektrik yang gagal mematuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh ST termasuk tidak dilabel dengan label keselamatan ST-SIRIM.

Ia melibatkan 10 unit *Built-in Oven*, 4 unit *Front Load Washing & Drying Machine* dan 1 unit *Range Hood* dengan anggaran nilai pasaran melebihi RM100,000. Kesemua kelengkapan elektrik tersebut telah dimusnahkan di gudang simpanan masing-masing di Puchong, Petaling Jaya dan Shah Alam, Selangor.

Built-in Oven yang dibawa masuk ke negara ini oleh syarikat Kosion Trading (M) Sdn Bhd melalui Pelabuhan Klang dari Itali, gagal ujian konsainmen yang dijalankan oleh pihak SIRIM setelah didapati salah satu komponen utama kelengkapan tersebut tidak disenaraikan dalam laporan ujian keselamatan yang dikemukakan kepada ST semasa membuat permohonan Perakuan Kelulusan (*Certificate of Approval*).

Bagi *Front Load Washing & Drying Machine* yang diimport dari Itali oleh Signature Obicorp Sdn. Bhd., kegagalan adalah berpunca dari perbezaan komponen pada sampel kelengkapan dibandingkan dengan Laporan Ujian.

Range Hood yang diimport oleh BSH Home Appliances Sdn. Bhd. dari Jerman pula gagal untuk membuat pengesahan di gudang milik pengimport.

Sementara itu, satu (1) syarikat pengimport turut diarahkan melupus kelengkapan elektrik yang telah ditarik balik dari pasaran iaitu melibatkan 174 unit pelbagai jenis kelengkapan elektrik seperti *food mixer, electric oven, chest freezer, range hood, electric kettle, hot plate, electric iron, rice cooker, vacuum cleaner* dan *washing machine*.

Semua kelengkapan elektrik tersebut yang disimpan di sebuah gudang di Shah Alam diimport masuk dari negara China oleh syarikat Lea Hin Company Pte. Ltd dan dianggarkan bernilai melebihi RM30,000.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik, Mohd Elmi bin Anas berkata semua pengimport kelengkapan elektrik perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan dan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Perakuan Kelulusan terlebih dahulu sebelum membawa masuk sebarang

kelengkapan elektrik ke negara ini. Beliau turut menasihati pengimport supaya memastikan kelengkapan elektrik yang diimport adalah sama seperti yang diisytihar dan dinyatakan dalam laporan ujian keselamatan.

Kelengkapan elektrik yang gagal ujian konsainmen dan tidak dilabel dengan label keselamatan atau label kecekapan tenaga, tidak dibenar dijual di pasaran negara ini dan sebaliknya hendaklah dikembalikan ke negara asal atau dilupuskan. Sekiranya kelengkapan elektrik tersebut telah dikeluarkan dari gudang simpanan dan dijual kepada pengguna, pengimport dikehendaki menyiarkan notis penarikan balik dalam akhbar-akhbar tempatan.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/ Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairulliati) / +6019 313 4543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my/ ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.